

'Masyarakat' kitar semula

Sinar 7/4/2011 MS 6.

Bahan buangan bernilai menjadi sumber pendapatan

AHMAD ISMADI ISMAIL

APA yang anda lakukan pada bahan buangan seperti kertas, plastik, kaca dan logam? Barangan kitar semula sebenarnya amat 'bernilai' dan mempunyai pelbagai kegunaan jika tahu cara menggunakannya. Contohnya, surat khabar boleh dikitar-kan semula menjadi pensel, kertas, tisu, buku, bakul dan bunga telur.

Kitar semula kertas ini boleh menjimatkan penebangan pokok yang boleh mengakibatkan pemanasan global. Amalan tersebut perlu diterapkan dalam sanubari setiap insan sejak kanak-kanak lagi.

Tinjauan Sinar Harian mendapati inisiatif telah ditanamkan ke dalam pelajar sekolah oleh guru dan badan bukan kerajaan, namun tahap kesedaran masyarakat untuk menyahut seruan kerajaan bagi mengamalkan tanggungjawab kitar semula ini masih rendah.

Aktiviti sekolah

GURU Besar Sekolah Kebangsaan Ampang, Khodijah Aziz berkata, pihak sekolah boleh memainkan peranan dalam melaksanakan program kitar semula, se-

“Bagi saya, pihak sekolah boleh mengadakan pertandingan reka cipta daripada bahan buangan bagi menarik minat pelajar.”

- Shafiq



INFO

Kitar semula bererti mengumpul dan memproses semula barang bekas dan skrap untuk membuat produk baru yang bermanfaat.

Keputusan kitar semula:

- Mengurangkan tempat pelupusan sampah. Pada masa kini, sekitar 230 tempat pembuangan sampah di Malaysia dan setiap lokasi bersaiz 20-150 hektar.

Kenapa kitar semula?
Anda dapat memelihara alam sekitar. Kita akan membayar anda untuk mengitar semula.

Why recycle?
You will help preserve natural resources and protect the environment.
What's more, we pay you to recycle!

Harga / Rates:

| | |
|---|--------------|
| Kertas / Paper | RM 0.10 / kg |
| Kardboard / Carton | RM 0.05 / kg |
| Kertas Komputer / Computer Paper | RM 0.10 / kg |
| Plastik / Plastic | RM 0.00 / kg |
| Tin / Metal | RM 0.05 / kg |
| Aluminiam | RM 1.00 / kg |
| Baju / Clothes | RM 0.20 / kg |

Waktu pengumpulan / Collection hours:
10:00pg - 10:00mim, Setiap hari / Daily

Salah sebuah pasaraya menempatkan pusat kitar semula.

Inisiatif Tesco
Kami bertekad untuk melindungi alam sekitar dan anda lebih pilihan dalam menghijaukan.

Tesco's initiative
We are committed to protect the environment and give you more choices in greening.

cara tidak langsung kempen itu dapat menanam sikap cintakan alam sekitar di kalangan pelajar.

“Kempen sebegini menimbulkan kesedaran mengenai faedah kitar semula, saya berharap masyarakat khususnya pelajar dapat melaksanakan tanggungjawab mereka terhadap penjagaan alam sekitar,” katanya.

Beliau berkata, salah sebuah syarikat swasta telah memilih SK Ampang bersama beberapa buah sekolah lain bagi melaksanakan kempen kitar semula dalam kalangan pelajar.

“Program ini dapat mendidik golongan pelajar mengenai cara pengurusan sampah yang betul dengan mengamalkan kitar semula,” katanya.

Pertandingan sekolah

PELAJAR, Mohd Shafiq Ahmad Shauuddin, 15, berkata, sikap sebilangan penduduk yang tidak mempedulikan amalan kitar semula ini harus diubah.

“Tahap kesedaran mengenai pentingnya kitar semula masih kurang, mereka lebih senang membuang bahan tersebut daripada mengitarnya. Mereka menganggap amalan ini hanya membuang masa,” katanya.

Dia berkata, usaha kitar semula berjaya apabila semua pihak berganding bahu dan bekerjasama untuk memastikan amalan itu dapat dijalankan dengan sempurna.

“Bagi saya, pihak sekolah boleh mengadakan pertandingan reka cipta daripada bahan buangan bagi menarik minat pelajar,” katanya.

Jana pendapatan

PENGARAH Eksekutif Pusat Pembangunan Teknologi dan Alam Sekitar (Cetdem), Anthony Tan berkata, masyarakat masih belum memenuhi konsep mengurang, mengguna semula dan kitar semula (3R) dalam pengurusan sisa buangan.

- Mewujudkan persekitaran yang sihat dan bersih apabila masyarakat bijak menguruskan bahan buangan. Secara langsung mengurangkan pencemaran alam sekitar.
- Dapat menjimatkan kos dan sumber tenaga.
- Empat jenis barang yang boleh dikitar semula seperti kertas, kaca, plastik dan aluminium.
- Menanam sikap sayangkan alam sekitar kepada golongan generasi muda.
- Menjana pendapatan sampingan melalui pembuatan produk kitar semula.



"Masyarakat hanya memfokuskan konsep kitar semula tanpa mengambil kira konsep 3R secara keseluruhan.

"Pengguna lebih kerap menggunakan barangan pakai buang seperti lampin pakai buang, yang mengakibatkan penambahan jumlah sampah," katanya.

Beliau berkata, sikap individu yang tidak peduli serta tidak mahu mengambil kisah amalan kitar semula ini menyebabkan usaha kerajaan tidak terlaksana.

"Beberapa badan bukan kerajaan (NGO) giat melaksanakan kempen kitar semula ini. Hasil imbuhan daripada amalan ini disalurkan ke badan amal," katanya.

Kempen 5S

ANTHONY berkata, usaha NGO berkenaan dapat membendung warga asing yang melakukan aktiviti mencari barangan kitar semula ini disebabkan nilai barangan itu.

"Kempen yang lebih kerap dilakukan dalam kalangan masyarakat, di peringkat sekolah mahupun institusi pengajian tinggi (IPT) dapat membantu pihak yang terlibat seperti Alam Flora Sdn Bhd bagi menguruskan sampah sarap dengan lebih teratur," katanya.

Beliau berkata, bagi pekerja pejabat pula, amalan konsep sisih, susun, sapu, seragam dan sentiasa amalkan (5S) wajar diterapkan.

Amalan itu harus berjalan secara berterusan agar sesebuah organisasi itu mampu mengekalkan, menambahbaikkan dan meningkatkan kualiti kerja dalam suasana persekitaran yang bersih, tambahnya.



Proses pengasingan barang dilakukan pekerja.



“ Program ini dapat mendidik golongan pelajar mengenai cara pengurusan sampah yang betul dengan mengamalkan kitar semula.”

- Khodijah

Trivia kitar semula

- Program Kitar Semula Kebangsaan dilancarkan oleh Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan pada 2 Disember 2000 di Pusat Membeli-belah Mid Valley.
- Antara pihak yang turut terlibat dalam program itu seperti pihak berkuasa tempatan (PBT), syarikat Konsesi, badan bukan kerajaan (NGO), syarikat swasta, institusi pengajian tinggi (IPT) dan sekolah.
- Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menetapkan bahawa 11 November pada setiap tahun merupakan Hari Kitar Semula Kebangsaan.
- Pada masa kini, kadar kitar semula di Malaysia ialah sebanyak 5 peratus dan kadar ini adalah rendah jika dibandingkan dengan negara maju seperti Jerman (74 peratus), Belgium (71 peratus), Austria (67 peratus) dan Belanda (66 peratus).
- Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan telah mensasarkan pencapaian kadar kitar semula di Malaysia pada kadar 22 peratus menjelang tahun 2020.
- Bagi memastikan program kitar semula mencapai matlamat yang telah ditetapkan maka pengurusan sisa pepejal yang menekankan konsep dan amalan 3R perlu dilaksanakan dengan berkesan.

"Majikan juga boleh mengadakan pertandingan di antara jabatan. Pada masa sama, tawaran hadiah bagi mereka yang berjaya melaksanakan konsep itu.

"Barangan kitar semula seperti kertas yang tidak dipakai boleh dihantar ke pusat kitar semula," katanya.

Pencemaran air, udara

BELIAU berkata, pengguna domestik menghasilkan dua jenis sisa pepejal, iaitu sisa organik dan sisa daripada bahan-bahan pembungkusan barangan yang dibeli.

"Bahan organik boleh mereput dengan mudah. Namun, sesetengah bahan pembungkusan tidak boleh mereput dengan cepat," katanya.

Anthony berkata, pencemaran air dan udara adalah antara risiko yang dihadapi di kawasan pelupusan sampah secara pembuangan terbuka.

"Pencemaran air disebabkan air larut resapan ke dalam sumber air bawah tanah, manakala pencemaran udara pula disebabkan pembebasan gas Metana (CH₄) yang terhasil daripada proses pereputan itu.

"Kitar semula bahan organik juga ha-



Penduduk tidak selesa dengan tempat transit kitar semula berhampiran kawasan kediaman.

rus dilaksanakan secara menyeluruh," kata Anthony.

Tambahnya, beliau berharap konsep 3R dapat dijadikan sebahagian cara hidup seharian dalam diri masyarakat bagi mengurangkan pembaziran, secara tidak langsung menjaga alam sekitar.

"Diharapkan penduduk dapat mengamalkan amalan kitar semula ini, di samping lebih peka dengan tidak membuang bahan yang boleh di kitar semula sesuka hati. Ini dapat mengelakkan daripada pembaziran," katanya.

Apa itu 3R?

- Pengurangan sisa pepejal melalui penerapan 3R iaitu Reduce (Pengurangan), Reuse (Penggunaan Semula) dan Recycle (Kitar Semula) Teras 1 dalam Dasar Pengurusan Sisa Pepejal.
- Penerapan amalan 3R di kalangan masyarakat secara tidak langsung dapat mengurangkan penghasilan sisa pepejal daripada dilupuskan ke tapak pelupusan.

Pengurangan - Memilih bahan yang digunakan dengan bijak bagi mengurangkan jumlah sisa pepejal yang dihasilkan.

Penggunaan semula - Aktiviti menggunakan semula bahan atau sebahagian daripada bahan yang mana masih boleh digunakan lagi.

Kitar semula - Memungut dan mengasingkan sisa pepejal bagi maksud menghasilkan keluaran.

- Pengurangan penghasilan sisa pepejal dapat dicapai melalui kaedah 3R ini.

(Sumber: <http://www.sisa.my>)



Peng kitar semula mengikut bahan yang ditetapkan.